



POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

DITERBITKAN OLEH:



**UNIT INTEGRITI
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Aras 8 & 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546, W.P. Putrajaya

No. Tel : 03-88702601

No. Faks : 03-88702659

Emel : integritijppm@ros.gov.my

Laman Web : www.ros.gov.my

Sekapur Sirih

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah diucapkan kepada Unit Integriti, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) di atas kejayaan penerbitan **Polisi Percanggahan Kepentingan**.


Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, seseorang itu mungkin akan berada dalam situasi yang boleh disifatkan sebagai percanggahan kepentingan (*conflict of interest*). Situasi sebegini akan menyulitkan seseorang itu untuk membuat keputusan yang baik, adil dan telus. Sehubungan itu, suatu polisi atau garis panduan yang jelas perlu diwujudkan untuk dijadikan amalan dan pematuhan.

Justeru, warga kerja tidak seharusnya membiarkan kepentingan peribadi bertentangan dengan kepentingan organisasi atau menggunakan kedudukan awamnya bagi mendapatkan faedah untuk dirinya sendiri, saudara atau sekutunya.

Polisi ini diterbitkan selaras dengan hasrat Kementerian supaya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menuju ke arah pensijilan **MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah - Anti-Bribery Management System (ABMS)**.

Adalah menjadi harapan saya agar **Polisi Percanggahan Kepentingan** ini menjadi panduan dan dapat menambahbaik sistem kawalan pengurusan tatakelakuan terhadap warga JPPM.

Sekian, terima kasih.



DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri





PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.


Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 telah mengenal pasti antara punca utama perlakuan rasuah merupakan kelemahan pentadbiran dan percanggahan kepentingan. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) juga berpotensi tinggi terlibat dalam percanggahan kepentingan ketika menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, demi menyahut seruan Kerajaan dalam menangani percanggahan kepentingan, JPPM telah melaksanakan perlbagai usaha dan inisiatif antaranya membangunkan **Polisi Percanggahan Kepentingan**.

Polisi ini bertujuan untuk memberi panduan kepada warga JPPM berkaitan tatacara pengurusan percanggahan kepentingan dalam pelaksanaan tugas awam dan urusan rasmi. Polisi ini juga boleh menjadi rujukan kepada pihak ketiga yang berurusan dengan JPPM bagi mengelakkan percanggahan kepentingan oleh warga JPPM yang menjurus kepada pelanggaran tatakelakuan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tataterib) 1993.

Harapan saya dengan pelaksanaan Polisi ini dapat menjadikan JPPM sebagai sebuah Jabatan yang bebas perlakuan rasuah dan mengutamakan amalan kerja yang telus dan amanah.

Sekian, terima kasih.


DATO' MOHD ZULFIKAR BIN AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
Tarikh: 10/6/2024



KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	Pengenalan	1
2.	Tujuan	1
3.	Pemakaian	1
4.	Tafsiran	1
5.	Pernyataan Polisi	3
6.	Pengisytiharan Kepentingan	4
7.	Pematuhan	5
8.	Pertanyaan dan Pelaporan	5
9.	Tarikh Kuatkuasa	5
10.	Penutup	5
11.	Rujukan	6
12.	Borang Pengisytiharan Kepentingan	7
13.	Contoh Borang Pengisytiharan Kepentingan	8

1. PENGENALAN

Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, warga Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) mungkin berada pada situasi percanggahan kepentingan yang menyebabkan mereka tidak dapat bertindak secara rasional, telus dan tepat sekaligus menjejaskan proses membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi kerajaan.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan sebagai satu garis panduan kepada warga JPPM dalam mendepani isu dan permasalahan berkaitan percanggahan kepentingan.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai ke atas semua warga JPPM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, pertubuhan ataupun mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga JPPM.

4. TAFSIRAN

4.1 PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam atau menggunakan kedudukan sebagai penjawat awam bagi faedah sendiri, saudara, sekutu atau benifisiari.

4.2 WARGA JPPM

Merujuk kepada semua pegawai dan kakitangan lantikan secara tetap, sementara dan kontrak di JPPM.

4.3 SAUDARA DAN SEKUTU

4.3.1. Merujuk kepada tafsiran “saudara” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), “**SAUDARA**” berhubungan dengan seseorang, ertinya:

- i. isteri atau suami orang itu;
- ii. adik atau abang atau kakak orang itu;
- iii. adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;

- iv. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- v. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- vi. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (ii);
- vii. bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- viii. menantu orang itu.

4.3.2. Merujuk kepada tafsiran “sekutu” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694], “**SEKUTU**” berhubung dengan seseorang, ertinya:

- i. mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- ii. mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- iii. mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- iv. mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- v. pemegang amanah mana-mana amanah, jika:-
 - a) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - b) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

4.4 INDIVIDU BERPENGARUH

Bermaksud Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan anggota pentadbiran. Merujuk kepada Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan “Anggota Pentadbiran” bermaksud seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan berhubung dengan sesuatu Negeri, ertinya seseorang yang memegang jawatan yang bersamaan dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatannya).

4.5 PIHAK KETIGA

Kontraktor, vendor, pembekal, konsultan, penyedia perkhidmatan, organisasi, rakan strategik, pasukan sahabat, pertubuhan atau mana-mana pihak termasuk individu atau orang perseorangan yang berurusan dengan JPPM.

4.6 URUSAN KERAJAAN

Apa-apa urusan berkaitan pengurusan pertubuhan dan penguatkuasaan di bawah Akta Pertubuhan 1966(Akta 832) serta khidmat pengurusan kerajaan seperti perolehan, kewangan, sumber manusia, pinjaman dan lain-lain hal berkaitan dengan JPPM.

4.7 MAKLUMAT TERPERINGKAT

Maklumat terperingkat adalah maklumat daripada dokumen rasmi yang mesti diberi perlindungan untuk kepentingan keselamatan dan yang bertanda dengan peringkat keselamatan sama ada ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’.

5. PERNYATAAN POLISI

5.1 JPPM sentiasa bersedia memberi komitmen dan kerjasama sepenuhnya untuk memastikan integriti, tadbir urus yang baik dan ketelusan menjadi tunjang dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

5.2 Seajar dengan komitmen tersebut, semua warga JPPM adalah **DILARANG** untuk:

5.2.1 mempunyai apa-apa **kepentingan peribadi** dengan saudara, sekutu, individu berpengaruh dan pihak ketiga yang terlibat dengan sebarang urusan kerajaan di JPPM;

- 5.2.2 menyalurkan apa-apa **maklumat terperinci** berkaitan JPPM yang membolehkan saudara, sekutu, individu berpengaruh dan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di JPPM;
- 5.2.3 menjalankan apa-apa bentuk transaksi menggunakan **akaun peribadi** dengan saudara, sekutu, individu berpengaruh dan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di JPPM;
- 5.2.4 menerima **balasan, komisen atau upah dalam apa-apa bentuk** daripada saudara, sekutu, individu berpengaruh dan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di JPPM; dan
- 5.2.5 menggunakan **kedudukan rasmi** untuk apa-apa kemajuan atau kelebihan seperti kerjaya, perniagaan dan lain-lain bagi kepentingan sendiri, saudara, sekutu, individu berpengaruh dan pihak ketiga di JPPM.
- 5.2.6 Terlibat dalam membuat keputusan atau urusan perolehan atas kapasiti tugas rasmi dengan saudara, sekutu, individu berpengaruh dan pihak ketiga yang memiliki kepentingan dalam pihak tersebut.

6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

- 6.1 Warga JPPM yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan kerajaan **hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan dengan menggunakan **Borang Pengisytiharan Kepentingan (Lampiran 1)**.
- 6.2 Ketua Jabatan **hendaklah menggantikan** mana-mana warga JPPM yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam urusan kerajaan tersebut.
- 6.3 Warga JPPM yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat **membuat keputusan** dalam mana-mana mesyuarat **hendaklah mengisytiharkan** kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta **meninggalkan mesyuarat** tersebut.
- 6.4 Urus setia mesyuarat **hendaklah merekodkan** dalam minit mesyuarat berkenaan pengisytiharan kepentingan dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan sesi mesyuarat.

7. PEMATUHAN

- 7.1 Keengganan dan kegagalan warga JPPM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
- 7.2 Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:

- i) emel: integritijppm@ros.gov.my
- ii) telefon: 03-8870 2631/2625 (Unit Integriti JPPM)
- iii) bersemuka; atau
- iv) menulis surat kepada

**Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
Kementerian Dalam Negeri
Aras 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546, Putrajaya
(U.P.: Ketua Unit Integriti)**

9. TARIKH KUAT KUASA

Polisi Percanggahan Kepentingan JPPM ini berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani oleh Ketua Pengarah JPPM.

10. PENUTUP

Pelaksanaan Polisi Percanggahan Kepentingan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan JPPM dalam menerapkan nilai-nilai murni, integriti yang tinggi dan amalan terbaik dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan JPPM.

11. RUJUKAN

- i. Perlembagaan Persekutuan.
- ii. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- iii. Akta Pertubuhan 1966 (Akta 832).
- iv. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- v. Pelan Anti Rasuah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia 2021-2025.



BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Saya _____ No. K/P: _____ dengan ini mengisytiharkan bahawasanya saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam urusan kerajaan atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai pegawai/kakitangan JPPM. Butir-butir urusan kerajaan atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/Syarikat/Organisasi bernama:

adalah merupakan: _____

Individu/Syarikat/Organisasi di atas terlibat dalam/ada membuat permohonan

_____ dan Saya (kaitannya dengan urusan kerajaan pegawai/kakitangan di JPPM):

Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa urusan kerajaan yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas. Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Contoh Lampiran 1 : Pengisian Borang**BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN**

Saya **Timah binti Malik** No. K/P: **770310-08-6554** dengan ini mengisytiharkan bahawasanya saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam urusan kerajaan atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai pegawai/kakitangan JPPM. Butir-butir urusan kerajaan atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/Syarikat/Organisasi bernama: **Syarikat Berjaya Sdn. Bhd** adalah merupakan: **syarikat yang dimiliki oleh suami saya.**

Individu/Syarikat/Organisasi di atas terlibat dalam/ada membuat permohonan **memasuki sebut harga membekal peralatan pejabat di Ibu Pejabat JPPM no. sebut harga JPPM/SH/023/04(34)** dan Saya (kaitannya dengan proses kerja pegawai/kakitangan di JPPM): **adalah urus setia yang menguruskan sebut harga di Ibu Pejabat JPPM.**

Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa urusan kerajaan yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas. Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan : ***Timah***
 Nama : **Timah binti Malik**
 No. K/P : **770310-08-6554**
 Tarikh : **7 September 2022**



UNIT INTEGRITI
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)